

**UNDANG-UNDANG BERKAITAN
PEMBAKARAN TERBUKA**

**SEKSYEN DI BAWAH
AKAS 1974**

**29A -Larangan atas
pembakaran
terbuka**

29A(1) – Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan pembakaran terbuka di mana-mana premis

29A(2) – Denda tidak melebihi RM 500,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka

29A(3) – Takrifan pembakaran terbuka

DEFINISI PEMBAKARAN TERBUKA

Menurut Seksyen 29A(3):

Pembakaran terbuka adalah apa-apa **kebakaran, pembakaran atau pembaraan** yang berlaku di udara bebas dan yang tidak dihalakan melalui serombong atau cerobong, tetapi tidak termasuk aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta



UNDANG-UNDANG BERKAITAN PEMBAKARAN TERBUKA

SEKSYEN DI BAWAH AKAS 1974

**29AA – Tidak
termasuk
sebagai
“pembakaran
terbuka”**

29AA(1) – Menteri melalui perintah boleh mengisytiharkan apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan bukan pembakaran terbuka sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 29A selagi aktiviti itu dijalankan mengikut syarat-syarat yang dinyatakan di dalam perintah

29AA(2) – Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan kebakaran, pembakaran atau pembaraan itu berlaku jika Ketua Pengarah memberitahu, dengan apa-apa cara:

- i. Bahawa kualiti udara telah mencapai tahap yang tidak sihat; dan**
- ii. Bahawa kebakaran pembakaran atau pembaraan akan membahayakan alam sekeliling.**

UNDANG-UNDANG BERKAITAN PEMBAKARAN TERBUKA

SEKSYEN DI BAWAH AKAS 1974

**29B - Pemunya
atau penduduk
premis
bertanggungjawab
bagi pembakaran
terbuka**

Jika pembakaran terbuka berlaku di mana-mana premis, pemunya atau penduduk premis itu yang mempunyai kawalan ke atas premis itu adalah disifatkan telah melanggar subseksyen 29A(1), kecuali dibuktikan sebaliknya.

UNDANG-UNDANG BERKAITAN PEMBAKARAN TERBUKA

SEKSYEN DI BAWAH AKAS 1974

29C - Pembelaan

Dalam apa-apa pendakwaan di bawah seksyen 29A atau 29B, adalah menjadi pembelaan jika orang, pemunya atau penduduk premis itu membuktikan –

Bahawa pembakaran terbuka itu berlaku di luar kawalannya atau tanpa pengetahuan atau pembiaran atau persetujuannya; atau

Bahawa dia –

- Mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah; atau
- Menjalankan segala usaha yang wajar,

untuk mencegah pelakuan kesalahan yang sepatutnya diambil dan dilaksanakan olehnya dengan mengambil kira jenis tanggungjawab atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.

**UNDANG-UNDANG BERKAITAN
PEMBAKARAN TERBUKA**

**PERINTAH DI BAWAH AKAS
1974**



**Perintah Kualiti Alam Sekeliling
(Perwakilan Kuasa)(Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000**

**Perintah Kualiti Alam Sekeliling
(Perwakilan Kuasa)(Perbadanan Putrajaya) 2002**

**Perintah Kualiti Alam Sekeliling
(Aktiviti Yang Diisytiharkan)
(Pembakaran Terbuka) 2003**

PERWAKILAN KUASA BAGI PENYIASATAN KES PEMBAKARAN TERBUKA

JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

PERBADANAN
LABUAN

DEWAN
BANDARAYA KUALA
LUMPUR

POLIS DIRAJA
MALAYSIA

PIHAK BERKUASA
TEMPATAN

PERBADANAN
PUTRAJAYA

KEMENTERIAN
KESIHATAN
MALAYSIA

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIISYTIHARKAN

- Merupakan aktiviti-aktiviti yang diisytiharkan sebagai bukan pembakaran terbuka
- Terdapat 15 aktiviti yang disenaraikan dan diringkaskan sebagai yang berikut :

BIL.	JENIS AKTIVITI PEMBAKARAN
(a)	Tumbuhan berpenyakit dan berbahaya serta kelengkapan pertanian yang berhubung dengannya dengan merujuk kepada Akta Kuarantin Tumbuhan 1976
(b)	Bangkai binatang, burung dan bahan yang dijangkiti menurut Ordinan Binatang 1953
(c)	Bahan api pepejal/cecair/rangka binaan bagi tujuan kajian dan latihan untuk pasukan yang ditubuhkan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988
(d)	Tumbuhan daripada tanah yang dipugar bagi tujuan penanaman tanaman makanan bagi pertanian pindah bukan di tanah gambut
(e)	Batang padi sebelum penanaman semula

BIL.	JENIS AKTIVITI PEMBAKARAN
(f)	Daun tebu sebelum penuaian dalam kawasan yang tidak melebihi 20 hektar semasa musim menuai
(g)	Tumbuhan untuk memugar tanah bagi tujuan penanaman oleh pekebun kecil di dalam kawasan tidak lebih dari dua hektar sehari
(h)	Tunggul nenas sebelum penanaman semula dan kering yang tidak melebihi 6 hektar sehari
(i)	Apa-apa benda sebagai sebahagian daripada acara keagamaan atau aktiviti penyembahan
(j)	Pembakaran mayat
(k)	Unggun api yang tidak dijalankan di atas tanah gambut
(l)	Gril, barbeku, tungku api di luar rumah untuk penyediaan makanan yang tidak dilakukan di atas tanah gambut
(m)	Tumbuhan pertanian untuk pemugaran tanah oleh peladang sara hidup di kawasan luar bandar dan tidak dijalankan di atas tanah gambut
(n)	Daun, dahan pokok dan pangkasan halaman di kawasan luar bandar yang tidak dilakukan di atas tanah gambut
(o)	Gas mudah terbakar sekiranya penyalaan api perindustrian dikendalikan secara betul



PERINGATAN !!

Pembakaran perlu dijalankan pada tempoh masa seperti yang ditetapkan di dalam perintah

Sebarang pembakaran (AYDI) adalah tidak dibenarkan sekiranya kualiti udara adalah tidak sihat/membahayakan alam sekeliling

Pembakaran tanaman berpenyakit/bangkai binatang perlu terlebih dahulu mengemukakan bukti berbentuk surat arahan daripada Jabatan Pertanian/ Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Aktiviti pembakaran perlu dipantau dan dikawal dengan rapi serta memastikan api dipadam sepenuhnya selepas aktiviti pembakaran selesai dijalankan

AYDI yang tersenarai di dalam perenggan 3 perintah, kecuali bagi **aktiviti 3 (a),(i),(j),(l) dan (o)** adalah tidak terpakai di kawasan dalam lingkungan 30 km jejari di sekitar KLIA

